



## Rampasan bukan penyelesaian

**Kuala Lumpur, 6 November 2019** - Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) hari ini berkata tindakan penguatkuasaan yang dibuat Kementerian Kesihatan Malaysia minggu lepas bukan satu langkah penyelesaian untuk masa depan industri vape Malaysia dan ribuan tenaga kerja serta usahawan tempatan dalam industri ini.

Ini berikutan laporan media di mana Kementerian membuat tindakan penguatkuasaan di negara yang melibatkan rampasan produk vape yang melibatkan industri vape kerugian Jutaan Ringgit. <https://kpkesihatan.com/2019/11/01/kenyataan-akbar-kp-kesihatan-1-november-2019-tindakan-penguatkuasaan-terhadap-penjualan-nikotin-tanpa-lesen/>

Syed Azaudin Syed Ahmad, President DPVM berkata, "Ini bukan suatu langkah penyelesaian dan menyeru agar Kerajaan memberikan pertimbangan kepada industri vape yang telah menunggu penggubalan peraturan untuk industri vape semenjak 2015 di mana Kerajaan telah memutuskan untuk membuat peraturan baru kawalan industri vape."

"Pada masa ini, industri vape Malaysia meletakkan masa depan industri yang dianggarkan bernilai sebanyak RM2 bilion serta ribuan usahawan belia tempatan dan pekerja untuk pertimbangan Kerajaan dalam penggubalan peraturan baru dan sedia patuh dengan peraturan terutamanya berkenaan dengan penjualan vape nikotin secara terkawal," kata Syed Azaudin.

Syed turut menambah, "Pihak industri ambil maklum tindakan penguatkuasaan tersebut dibuat atas kebimbangan penggunaan produk vape nikotin oleh mereka yang di bawah umur. Pihak industri sedia bekerjasama dengan Kementerian untuk membincangkan langkah yang patut diambil supaya penggunaan dan penjualan kepada mereka yang di bawah umur dapat dibendung. Libatkan kami bersama dalam perbincangan penggubalan peraturan kerana ia bukan sahaja setakat kawalan untuk membendung penggunaan oleh mereka yang di bawah umur tetapi juga dari segi standard produk, perlesenan, percukaian yang memerlukan input daripada industri."

## KENYATAAN MEDIA

Pada masa yang sama, Syed Azaudin mencadangkan, "Sementara menunggu Kerajaan membuat penggubalan peraturan baru untuk industri vape pada tahun hadapan, satu kesefahaman industri vape bersama Kerajaan perlu diwujudkan agar industri tidak terus terjejas. Dengan wujudnya kesefahaman ini, akan ada hala tuju diberikan kepada industri dan usahawan belia tempatan sambil boleh membuat persediaan berkenaan peraturan yang bakal diperkenalkan."

Syed turut berkata pihak industri menyambut baik kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan baru-baru ini di mana YB Dr Lee Boon Chye berkata Kementerian juga akan mengkaji cara kawalan vape nikotin di United Kingdom.


"Kami bersetuju dengan hala tuju ini. Cara kawalan yang sedia ada di United Kingdom telah menunjukkan keberkesanan kawalan industri vape dan boleh dicontohi di negara ini."

+++++

### **Untuk Maklumat Lanjut, Sila hubungi**

*Encik Syed Azaudin Syed Ahmad  
Presiden DPVM  
(018 9000 589)*

*Sila layari laman web dan laman Facebook kami untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan DPVM*



<https://vapemalaysia.org/>

[https://www.facebook.com/Dewan  
PerniagaanVapeMalaysia](https://www.facebook.com/DewanPerniagaanVapeMalaysia)